

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**AKTA DADAH
BERBAHAYA 1952
(AKTA 234) &
PERATURAN-PERATURAN**

6. Sekatan terhadap pemilikan candu mentah, daun koka, jerami popi dan ganja.

Barangsiapa menyimpan atau berada di dalam pemilikannya, pengawasannya atau pengawasannya sebarang candu mentah, daun koka, jerami popi atau ganja atau biji-biji tumbuhan di mana kesemuanya itu boleh diperolehi samada secara langsung atau sebaliknya, melainkan di bawah dan menurut pemberian kuasa seperti yang telah disebutkan dalam seksyen 4 dan 5 atau dengan sebarang peraturan yang dibuat di bawah seksyen 7, adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika disabitkan, hendaklah didenda sebanyak tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dihukum penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya sekali.

9. Pemilikan, dll., candu masak.

(1) Tiada seorang pun boleh —

- (a) mengimpor masuk atau mengeksport keluar dari Malaysia; atau
- (b) menyimpan atau berada dalam miliknya, jagaannya atau pengawasannya; atau
- (c) mengilang, menjual atau pun menguruskan sebarang candu masak.

(2) Barangsiapa melanggar mana-mana peruntukan subseksyen (1), adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika disabitkan, hendaklah didenda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun ataupun kedua-duanya sekali.

12. Sekatan ke atas pengimportan dan pengeksportan beberapa dadah berbahaya tertentu.

(1) Tiada seorang pun boleh melainkan jika diberikan kuasa oleh Menteri –

(a) mengimpor masuk ke Malaysia sebarang dadah berbahaya yang telah ditetapkan di Bahagian III, IV dan V dari Jadual Pertama; atau

(b) mengeksport keluar dari Malaysia sebarang dadah berbahaya yang telah diterapkan di Bahagian III dan IV dari Jadual Pertama.

(2) Tiada seorang pun boleh berada dalam pemilikannya, jagaannya atau pengawasannya sebarang dadah berbahaya yang boleh disabitkan di bawah Bahagian ini melainkan jika ianya telah diberikan kuasa untuk memilik, menjaga atau mengawasi dadah tersebut atau disifatkan sebagai telah diberi kuasa di bawah Akta ini atau peraturan yang telah dibuat di bawah Akta ini.

(3) Barangsiapa melanggar peruntukan subseksyen (2) seksyen ini, adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika disabitkan hendaklah didenda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya sekali.

15. Pemberian kepada diri sendiri.

Barangsiapa yang –

(a) memberikan kepada dirinya sendiri atau menyiksa mana-mana orang lain, bertentangan dengan peruntukan seksyen 14 dengan memberikan kepadanya mana-mana dadah berbahaya yang ditetapkan di Bahagian III dan IV dari Jadual Pertama; atau

(b) dijumpai berada di mana-mana premis yang telah dikhaskan atau digunakan untuk mana-mana tujuan seperti yang telah ditetapkan dalam seksyen 13 supaya mana-mana dadah berbahaya tersebut boleh diberikan, atau dihisap atau dengan kaedah lain digunakan olehnya,

adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika disabitkan hendaklah didenda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun.

19. Mengeksport dadah berbahaya.

(1) Di atas pengeluaran sesuatu pemberian kuasa untuk mengimport atau suatu pengesahan terhadap sijil mengimport yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten dalam mana-mana negara, maka adalah menjadi sah di sisi undang-undang untuk Menteri mengeluarkan suatu pemberian kuasa mengeksport dalam Borang B yang dinyatakan dalam Jadual Kedua terhadap mana-mana dadah yang dinyatakan dalam pemberian kuasa mengimport kepada mana-mana orang yang dinamakan sebagai pengeksport dalam pemberian kuasa mengimport tersebut, dan adalah, di bawah peruntukan Akta ini, dengan kaedah lain layak di sisi undang-undang untuk mengeksport dadah tersebut dari Malaysia. Pemberian kuasa mengeksport hendaklah disediakan dalam tiga salinan dan dua salinan akan diberikan kepada pengeksport yang hendaklah menghantar satu salinan beserta dengan dadah yang dimaksudkan semasa dadah tersebut dieksportkan. Menteri hendaklah menghantar salinan yang ketiga terus kepada pihak berkuasa tertentu bagi negara destinasi mutakhir. Jika pengeksportan yang dimaksudkan adalah ke sebuah negara yang bukan anggota bagi Konvensyen itu, maka tidaklah perlu mengeluarkan surat pemberian kuasa mengimport seperti yang telah dinyatakan dahulu. Dalam semua kes, Menteri adalah mempunyai budi bicara mutlak sama ada untuk mengeluarkan atau enggan mengeluarkan surat pemberian kuasa mengeksport, seperti mana yang dirasanya patut.

(2) Dadah berbahaya tidak boleh dieksportkan dari Malaysia melainkan si pengirimnya ada memiliki surat pemberian kuasa mengeksport yang sah berhubung dengan dadah tersebut yang diluluskan di bawah Akta ini.

(3) Sewaktu mengeksport mana-mana dadah berbahaya tersebut pengeksport mestilah menunjukkan kepada pegawai-pegawai berkenaan yang akan dilantik oleh Menteri, dadah berbahaya itu, surat pemberian kuasa mengeksport bagi dadah tersebut, dan keterangan tertentu lain seperti yang dikehendaki oleh pegawai itu untuk memuaskan hatinya bahawa dadah itu adalah dieksportkan secara sah di sisi undang-undang ke tempat dan kepada orang yang dinamakan di dalam surat pemberian kuasa itu.

(4) Barang siapa mengeksport mana-mana dadah berbahaya daripada Malaysia melainkan selaras dan menurut peruntukan bagi Akta ini serta terma-terma dan syarat-syarat bagi mana-mana pemberian kuasa atau lesen yang diluluskan di bawah Akta ini berhubung dengan pengeksportan tersebut, adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika disabitkan, hendaklah dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun dan tidak kurang daripada tiga tahun.

39A Penalti lebih berat jika hal-perkara ialah aman yang ditentukan bagi dadah-dadah berbahaya tertentu.

(1) Setiap orang yang didapati bersalah bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini di mana hal-perkaranya ialah —

- (a) 2 gram atau lebih tetapi kurang daripada 5 gram berat heroin;
- (b) 2 gram atau lebih tetapi kurang daripada 5 gram berat morfin;
- (c) 2 gram atau lebih tetapi kurang daripada 5 gram berat monoasetilmorfin;
- (d) sejumlah 2 gram atau lebih tetapi kurang daripada 5 gram berat heroin, morfin dan monoasetilmorfin atau sejumlah 2 gram atau lebih tetapi kurang daripada 5 gram berat mana-mana daripada dua dadah berbahaya tersebut;
- (e) 5 gram atau lebih tetapi kurang daripada 15 gram berat kokain;
- (f) 20 gram atau lebih tetapi kurang daripada 50 gram berat ganja;
- (g) 20 gram atau lebih tetapi kurang daripada 50 gram berat resin ganja;
- (h) sejumlah 20 gram atau lebih tetapi kurang daripada 50 gram berat ganja dan resin ganja;
- (i) 100 gram atau lebih tetapi kurang daripada 250 gram berat cандu mentah;
- (j) 100 gram atau lebih tetapi kurang daripada 250 gram berat cандu masak;
- (k) sejumlah 100 gram atau lebih tetapi kurang daripada 250 gram cандu mentah dan cандu masak; atau
- (l) 250 gram atau lebih tetapi kurang daripada 750 gram berat daun koka,

hendaklah, selain dari dikenakan hukuman yang disediakan untuk kesalahan itu di bawah seksyen di mana orang itu telah pun didapati bersalah, dihukum dengan penjara untuk suatu tempoh tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun, dan ia juga akan dikenakan hukuman sebat tidak kurang daripada tiga sebatan tetapi tidak lebih daripada sembilan sebatan.

(2) Setiap orang yang didapati bersalah bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini di mana kesalahan itu tidak dikenakan hukuman mati dan di mana hal-perkaranya ialah —

- (a) 5 gram atau lebih berat heroin;
- (b) 5 gram atau lebih berat morfin;
- (c) 5 gram atau lebih berat monoasetilmorfin;
- (d) sejumlah 5 gram atau lebih berat heroin, morfin dan monoasetilmorfin atau sejumlah 5 gram atau lebih berat bagi mana-mana daripada dua dadah berbahaya tersebut;
- (e) 15 gram atau lebih berat kokain;
- (f) 50 gram atau lebih berat ganja;
- (g) 50 gram atau lebih berat resin ganja;
- (h) sejumlah 50 gram atau lebih berat ganja dan ganja resin;
- (i) 250 gram atau lebih berat cандu mentah;

- (j) 250 gram atau lebih berat candu masak;
- (k) sejumlah 250 gram atau lebih berat candu mentah dan candu masak; atau
- (l) 750 gram atau lebih berat daun koka,

hendaklah, selain dari dikenakan hukuman yang disediakan untuk kesalahan itu di bawah seksyen di bawah mana orang itu telah pun didapati bersalah, dihukum dengan dipenjara seumur hidup atau untuk suatu tempoh tidak kurang daripada lima tahun, dan ia juga akan dikenakan hukuman sebat tidak kurang daripada sepuluh sebatan.

39B. Pengedaran dadah berbahaya.

(1) Tiada seseorang pun boleh, bagi pihak dirinya atau bagi pihak mana-mana orang lain, samada atau tidak orang lain itu berada di Malaysia —

- (a) mengedarkan dadah berbahaya; atau
- (b) menawar untuk mengedarkan dadah berbahaya; atau
- (c) melakukan atau menawar atau melakukan sesuatu perbuatan sebagai persediaan untuk atau bagi maksud pengedaran dadah berbahaya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan jika disabitkan hendaklah dijatuhkan hukuman mati.

(3) Suatu dakwaan di bawah seksyen ini hendaklah tidak dimulakan penyiasatan ke atasnya melainkan oleh atau dengan persetujuan Pendakwa Raya:

Dengan syarat bahawa seseorang itu boleh ditangkap, atau suatu waran untuk menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan, dan mana-mana orang tersebut boleh ditahan walaupun penyiasatan bagi dakwaan untuk kesalahan itu belum dipersetujui oleh Pendakwa Raya, tetapi kesalahan itu hendaklah tidak didakwa seterusnya sehingga suatu persetujuan telah diperolehi.

(4) Apabila seseorang itu dihadapkan ke Mahkamah di bawah seksyen ini sebelum Pendakwa Raya mempersetujui dakwaan itu, pertubuhan hendaklah diterangkan kepadanya tetapi ia tidak akan dipanggil untuk membuat pengakuan, dan peruntukan undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan prosedur jenayah hendaklah diubahsuai dengan sewajarnya.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**KANUN KESIKSAAN
(N.M.B. Bab 45)**

224. Tentangan atau galangan oleh seseorang terhadap penangkapan yang sah di sisi undang-undang atas dirinya.

Barang siapa dengan sengaja mengadakan apa-apa tentangan atau apa-apa galangan yang menyalahi undang-undang terhadap penangkapan yang sah di sisi undang-undang atas dirinya kerana apa-apa kesalahan yang ia dipertuduhkan, atau yang ia telah disabitkan, atau dengan sengaja lari atau mencuba lari dari mana-mana jagaan di mana ia ditahan dengan sah di sisi undang-undang kerana apa-apa kesalahan tersebut, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Huraian — Siksaan dalam seksyen ini adalah tambahan kepada siksaan yang boleh dikenakan ke atas orang yang kena ditangkap atau ditahan di bawah jagaan itu kerana kesalahan yang ia telah dipertuduhkan, atau disabitkan.

304. Siksaan bagi kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang.

Barang siapa melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang hendaklah disiksa dengan penjara yang boleh sampai dua puluh tahun dan bolehlah juga dikenakan denda, jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian, atau hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian; atau dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya, jika perbuatan itu dilakukan dengan mengetahui bahawa perbuatan itu mungkin menyebabkan kematian, akan tetapi dengan tiada apa-apa niat hendak menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian.

324. Dengan sengaja menyebabkan cedera dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya.

Barang siapa, kecuali dalam hal yang diperuntukkan oleh Seksyen 334, dengan sengaja menyebabkan cedera dengan jalan menggunakan apa-apa alat untuk menembak, menikam, atau memotong, atau apa-apa alat yang, jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang, mungkin menyebabkan kematian, atau dengan jalan menggunakan api atau apa-apa benda hangat, atau dengan jalan menggunakan apa-apa racun atau apa-apa benda melecur, atau dengan jalan menggunakan apa-apa benda letupan, atau dengan jalan menggunakan apa-apa benda yang merbahaya kepada tubuh manusia apabila dihisap, ditelan atau dimasukkan ke dalam darahnya, atau dengan jalan menggunakan apa-apa haiwan, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat dengan jari ampai atau rotan, atau dengan mananya dua daripada siksaan-siksaan itu.

326. Dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya:

Barang siapa, kecuali dalam hal yang dipertunukkan oleh Seksyen 335, dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan jalan menggunakan apa-apa alat untuk menembak, menikam, atau memotong, atau apa-apa alat yang, jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang, mungkin menyebabkan kematian, atau dengan jalan menggunakan api atau apa-apa benda hangat, atau dengan jalan menggunakan apa-apa racun atau apa-apa benda melecur, atau dengan jalan menggunakan apa-apa benda letupan, atau dengan jalan menggunakan apa-apa benda yang merbahaya kepada tubuh manusia apabila dihisap, ditelan atau dimasukkan ke dalam darahnya, atau dengan jalan menggunakan apa-apai haiwan, hendaklah disiksa dengan penjara yang boleh sampai dua puluh tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat dengan jari ampai atau rotan.

376. Seksaan bagi rogol.

Barang siapa melakukan rogol hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan sebat.

379. Seksaan bagi kesalahan mencuri.

Barang siapa melakukan kesalahan mencuri hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang kemudian bolehlah dikenakan penjara dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.

392. Siksaan bagi rompak.

Barang siapa melakukan rompak hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika rompak itu dilakukan antara matahari masuk dan matahari terbit maka tempoh penjara itu bolehlah dilanjutkan hingga empat belas tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat dengan jari ampai atau rotan.

394. Dengan sengaja menyebabkan cedera pada melakukan rompak.

Jika mana-mana orang, pada melakukan rompak atau pada mencuba melakukan rompak, dengan sengaja menyebabkan cedera, maka orang itu, dan mana-mana orang lain, yang bersesama menyertai pada melakukan atau mencuba melakukan rompak itu, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat dengan jari ampai atau rotan.

395. Siksaan bagi rompak berkumpul.

Barang siapa melakukan rompak-berkumpul hendaklah disiksa dengan penjara yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan sebat.

397. Rompak dengan bersenjata atau rompak serta mencuba menyebabkan kematian atau cedera parah.

Jika pada waktu melakukan atau mencuba melakukan rompak, pensalah itu bersenjatakan atau menggunakan apa-apa senjata maut, atau menyebabkan cedera parah kepada mana-mana orang, atau mencuba menyebabkan kematian atau cedera parah kepada mana-mana orang, maka pensalah itu bolehlah dikenakan sebat dengan jari ampai, selain dari apa-apa siksaan yang ia boleh dikenakan di bawah mana-mana lain seksyen Kanun ini.

406. Siksaan bagi pecah amanah jenayah.

Barang siapa melakukan pecah amanah jenayah hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

411. Menerima harta curi dengan curang.

Barang siapa dengan curangnya menerima atau menyimpan apa-apa harta curi, dengan mengetahui atau dengan ada sebab mempercayainya sebagai harta curi, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya; dan jika harta curi itu sebuah kenderaan motor atau mana-mana bahagian komponen sebuah kenderaan motor sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 379A, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

414. Menolong menyembunyikan harta curi.

Barang siapa dengan sengaja menolong menyembunyikan atau memindahkan atau menghapuskan apa-apa harta yang ia ketahui atau ada sebab mempercayai sebagai harta curi, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya; dan jika harta curi itu sebuah kenderaan motor atau mana-mana bahagian komponen sebuah kenderaan motor sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 379A, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

417. Siksaan kerana menipu.

Barang siapa menipu hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

420. Menipu dan dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan.

Barang siapa menipu dan dengan jalan demikian itu mendorong dengan curangnya orang yang terpedaya, sama ada atau tidak perdayaan yang diamalkan itu ialah dorongan tunggal atau utama, itu supaya menyerahkan apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau supaya membuat, mengubah, atau membinasakan kesemua atau apa-apabahagian sesuatu cagaran berharga, atau apa-apa yang bertandatangan atau bermeteri, dan yang boleh dijadikan suatu cagaran berharga, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun, dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

454. Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecahrumah bagi maksud melakukan kesalahan yang boleh disiksa dengan penjara.

Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi, atau melakukan pecahrumah, bagi maksud melakukan sesuatu kesalahan yang boleh disiksa dengan penjara hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan yang dimaksud hendak dilakukan itu ialah kesalahan mencuri maka tempoh penjara itu bolehlah dilanjutkan hingga sepuluh tahun, dan bagi mana-mana satu kesalahan itu yang dilakukan kali yang kedua atau yang kemudian bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.

457. Pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam bagi maksud melakukan kesalahan yang boleh disiksa dengan penjara.

Barang siapa melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam, atau melakukan pecahrumah pada waktu malam, bagi maksud melakukan sesuatu kesalahan yang boleh disiksa dengan penjara, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda, dan jika kesalahan yang dimaksud hendak dilakukan itu ialah kesalahan mencuri maka tempoh penjara itu bolehlah dilanjutkan hingga empat belas tahun; dan bagi mana-mana satu kesalahan itu yang dilakukan kali yang kedua atau yang kemudian bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.

465. Siksaan bagi pemalsuan.

Barang siapa melakukan pemalsuan hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.